

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 24, 2019 2:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Outstanding Graduates Fokus Utama Amanat Dekan SEML 2019



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

24 MAC 2019 / 17 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: SEML

OUTSTANDING GRADUATES FOKUS UTAMA AMANAT DEKAN SEML 2019



UUM ONLINE: Menjadi mahasiswa luar biasa (outstanding graduates) menjadi fokus utama yang ditekankan Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim sempena Majlis Amanat Dekan SEML 2019 yang diadakan di Dewan Seminar UUM CAS baru-baru ini.

Majlis yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral di bawah bimbingan Penyelaras Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Prof. Madya Dr Mardzelah Makhsin dan Dr Fauziah Md Jaafar dihadiri 200 mahasiswa termasuk pelajar mobiliti daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA (UHAMKA) dan Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH) dan University of Tsukuba, Jepun.

Dalam amanatnya itu, Dr. Fauziah menegaskan kunci bagi menjadi mahasiswa yang berdaya saing adalah diri pelajar itu sendiri.

"Para pelajar juga perlu memahami apa yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang merupakan garis panduan kepada golongan pendidik supaya mereka dapat bersedia dengan cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan ini.

"Tambahan pula, antara lonjakan yang ditekankan dalam amanat ini adalah graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang daripada pelbagai aspek khususnya dalam aspek sosial. Hal ini bagi melahirkan pelajar yang sentiasa bersedia dengan cabaran global yang akan datang," ujarnya.

Perkongsian yang disampaikan Dr Fauziah berkaitan keunikan pendidikan di Malaysia memberi pelbagai manfaat kepada mahasiswa untuk menjadi seorang graduan yang cemerlang.

Mahasiswa mobiliti daripada UPSI, Muhammad Zulhamizan Mohd Rasid, berkata Dekan SEML menyentuh tentang kemahiran insaniah bagi bakal guru perlu memiliki ketrampilan dan sikap, keupayaan berfikir dan kemahiran berkomunikasi, pengetahuan am atau isu semasa pendidikan dan juga pengetahuan bidang tugas atau ikhtisas yang perlu pelajar terapkan dalam diri demi matlamat melahirkan "outstanding graduates".

"Apa yang dimaksudkan dengan "outstanding graduates" adalah kemahiran-kemahiran seperti ilmu pengetahuan, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan, pemikiran kritikal dan kreatif, nilai-nilai, etika, tanggungjawab sosial dan profesionalisme, serta daya keusahawanan, pembelajaran jangka panjang dan pengurusan," ulasnya.

Sementara Safiratu Nada yang merupakan mahasiswa mobiliti daripada UNSYIAH berasa bangga dapat bersama dalam majlis Amanat Dekan SEML 2019 dengan pendedahan tentang Innovative and Immersive Learning yang menekankan pembelajaran kolaboratif dengan penilaian autentik dalam menyelesaikan masalah pembelajaran.

"Amanat Dekan SEML telah menyuntik semangat baru untuk beliau ketengahkan dalam pendidikan di Indonesia,"

Manakala Fatma Santika, mahasiswi UHAMKA Indonesia pula berpendapat perkara yang paling menarik perhatian beliau pada Majlis Amanat tersebut adalah graduan yang cemerlang dengan cara mereka sendiri.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Timbalan Dekan SEML, Prof. Madya Dr. Sarimah Shaik Abdullah, pensyarah dan staf SEML.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.